



KENYATAAN AKHBAR YANG BERHORMAT MULIA TENGGU YANG DIPERTUA MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN (MAIK)

PELAKSANAAN SOLAT SUNAT HARI RAYA AIDIL ADHA DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)

1. Memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Muhammad V, Sultan dan Yang Dipertuan bagi Negeri Kelantan Darul Naim sebagai Ketua Agama Islam Negeri sebagaimana peruntukkan Perkara 6 (1) Undang-undang Perlembagaan Tubuh Kerajaan Kelantan telah mengampuni perkenan agar Solat Sunat Hari Raya Aidil Adha Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) di masjid, surau dan musolla negeri Kelantan dapat dilaksanakan secara terkawal sebagai langkah membendung penularan virus Covid-19 di negeri Kelantan.

2. Pelaksanaan ini hendaklah digunakan oleh pihak pengurusan masjid, surau dan musolla di Negeri Kelantan dan mestilah mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) sebagaimana berikut:-

1. Tempat Pelaksanaan

Solat Sunat Hari Raya Aidil Adha di masjid, surau dan musolla dalam tempoh PKPP ini adalah dibenarkan **kecuali** kawasan yang diisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

2. Masa

Masjid, surau dan musolla hanya akan dibuka **1 jam** sebelum waktu Solat Sunat Hari Raya Aidil Adha dan akan ditutup selepas solat disempurnakan.

3. Bilangan Jemaah Yang Dibenarkan

Kehadiran jemaah adalah berdasarkan kapasiti sebenar setelah diambilkira keperluan penjarakan sosial sekurang-kurangnya 1 meter termasuk di anjung dan perkarangan masjid, surau dan musolla. Jemaah wanita turut dibenarkan hadir bersolat tetapi keutamaan hendaklah diberikan kepada jemaah lelaki sekiranya tempat bersolat di masjid tidak mempunyai ruang yang mencukupi untuk semua jemaah bersolat.

4. Kawalan dan Keselamatan

Jawatankuasa masjid dan jemaah hendaklah sentiasa mengamalkan norma baharu dengan melaksanakan segala tindakan berikut:

(a) Kawalan Penularan dan Jangkitan

- i. Mengadakan kaunter di pintu masuk yang dihadkan bilangannya bagi memeriksa suhu badan, sanitasi tangan serta **rekod kehadiran jemaah**.
- ii. Kerap melakukan sanitasi ruang solat dan kawasan sekitarnya termasuk tandas dan ruang wudhu'.
- iii. Penggunaan tandas perlu dihadkan mengikut jumlah bilik tandas yang ada pada satu-satu masa.
- iv. Membuat penandaan jarak antara jemaah sekurang-kurangnya 1 meter.

(b) Kawalan dan Pengesanan

- i. Jawatankuasa masjid, surau dan musolla hendaklah mempunyai petugas yang mencukupi bagi membantu kawalan jemaah.
- ii. Kehadiran perlu menggunakan aplikasi MySejahtera atau borang daftar hadir atau **direkodkan di dalam buku kehadiran yang mesti di simpan sekurang-kurangnya dalam tempoh dua (2) minggu**. Borang daftar hadir dan buku kehadiran mesti mengandungi maklumat tarikh, waktu, nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat tempat tinggal.
- iii. Pintu masjid dibuka sejam sebelum Solat Sunat Hari Raya Aidil Adha.

(c). Etika Jemaah

- i. Melaksanakan penjarakan sosial di dalam dan luar masjid, sejauh 1 meter antara satu sama lain (kiri, kanan, belakang dan hadapan) samada semasa solat atau aktiviti lain.
- ii. Jemaah digalakkan memakai penutup muka (*face mask*).
- iii. Cara masuk dan keluar masjid mesti mengikut giliran dengan beratur serta menjaga penjarakan yang terkawal.
- iv. Jemaah yang bergejala atau menghidap penyakit kronik dan **kanak-kanak di bawah umur 12 tahun tidak dibenarkan hadir**.
- v. Hanya dibenarkan 30 orang jemaah yang berumur 70 tahun ke atas dan ditempatkan di tempat yang khusus bagi masjid yang berkapasiti 500 ke atas.
- vi. Semua ahli Jemaah yang hadir hendaklah membawa sejadah sendiri.

- vii. Jemaah dipastikan terus bersurai dalam keadaan tenang.
- viii. Tidak dibenarkan bersalaman sesama yang hadir.
- ix. Tiada perkumpulan dibenarkan selepas selesai aktiviti samada di dalam atau di luar masjid, surau, dan musolla.
- x. Jemaah hendaklah mengambil wudhu' di rumah, namun dibenarkan memperbaharainya di masjid, surau atau musolla dengan mematuhi penjarakan sosial.

SOP sebagaimana diatas hendaklah dipatuhi sepenuhnya oleh pihak pengurusan masjid. Tindakan sewajarnya akan diambil di atas kegagalan untuk mematuhi SOP ini. Oleh itu, pihak MAIK amat mengharapkan kerjasama daripada semua pihak dalam melaksanakan ketetapan ini. Bersama-samalah kita istiqamah dan yakin bahawa Allah S.W.T pasti membantu dan memperkenankan doa serta harapan kita semua.

TENGGU TAN SRI DATO' HAJI MOHAMAD RIZAM BIN TENGGU ABDUL AZIZ

Tengku Temenggong Kelantan